

# Pemilik harta digesa jelas cukai

*Bantu MBSA tingkatkan perkhidmatan khususnya kemudahan awam*

1/10/2011

Sinar

H3.

**SHAH ALAM** - Pemilik harta di kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) digesa supaya menjelaskan cukai taksiran masing-masing bagi membantu mempertingkatkan lagi perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit.

Pegawai Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, setakat ini cukai taksiran tertunggak mencecah RM15 juta.

Menurutnya, susulan itu pihaknya mengadakan operasi turun padang bertemu dengan pemilik-pemilik harta yang masih gagal menjelaskan tunggakan sebagai usaha menggalakkan pembayaran cukai berkenaan.

"Operasi itu dilaksanakan mengikut peruntukan di dalam Akta Kerajaan Tempatan

1976, (Akta 171).

"Pada 20 September sebanyak 13 premis di sekitar Seksyen 31, Shah Alam telah dilawati dan tindakan sitaan serta sitaan dilakukan kerana pemilik gagal melunaskan tunggakan cukai," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Shahrin berkata, premis-premis yang dilawat semasa operasi itu adalah premis yang mempunyai tunggakan cukai taksiran melebihi tiga penggal dan ke atas.

"Kelonggaran telah diberikan kepada pemilik premis ini untuk menjelaskan tunggakan bayaran secara ansuran, namun mereka masih lagi gagal untuk berbuat demikian.

"Sebagai langkah proaktif, MBSA mengadakan operasi ini untuk berkomunikasi secara bersemuka dan men-



**Kakitangan Bahagian Pengurusan Hasil sedang melakukan operasi sita pada Operasi Turun Padang yang diadakan baru-baru ini.**

dapatkan penjelasan daripada pemilik harta atas kegagalan mereka menjelaskan "cukai taksiran," katanya.

Menurutnya, kebanyakan pemilik premis yang dilawati

memberikan pelbagai alasan sebab mengapa gagal menjelaskan cukai taksiran.

"MBSA mohon semua pemilik harta di kawasan pentadbirannya menyegerakan pem-

bayaran tunggakan cukai atau datang ke MBSA untuk berbincang sekiranya ada rayuan yang ingin dikemukakan agar tindakan sitaan tidak dikenakan," katanya.

Shahrin berkata, jika pembayaran cukai dapat dijelaskan mengikut tempoh, secara tidak langsung dapat membantu MBSA untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan khususnya penyediaan kemudahan dan infrastruktur awam.

"Melalui operasi ini diharapkan dapat memberi peringatan dan mendidik pemilik-pemilik harta supaya dapat menjelaskan tunggakan cukai taksiran yang dikenakan ke atas mereka mengikut masa yang ditetapkan," katanya.

Maklumat lanjut berkaitan pembayaran tunggakan cukai boleh melayari laman sesawang MBSA di [www.mbsa.gov.my](http://www.mbsa.gov.my) atau hubungi Unit Cukai Taksiran, Bahagian Pengurusan Hasil di talian 03-55105133.